

**Pemimpin BN Bekerja Untuk Rakyat, Pemimpin Pembangkang Hanya Berjanji -  
Musa Aman  
Bernama  
17 Januari, 2012**

TAWAU, 17 Jan (Bernama) -- Perbezaan ketara antara pemimpin Barisan Nasional (BN) dan pembangkang ialah pemimpin BN bekerja untuk rakyat manakala pembangkang pula hanya tahu berjanji kosong kepada rakyat.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman berkata berbanding pemimpin pembangkang, pemimpin BN bekerja tanpa mengira musim bagi membantu rakyat dan mengotakan janji yang dibuat.

"Kami sentiasa berfikir cara terbaik untuk membantu rakyat kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan untuk membela mereka," katanya berucap pada majlis penyampaian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kawasan Parlimen Tawau dan Kalabakan, di sini Selasa.

Penyampaian itu dilakukan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mengadakan lawatan kerja ke Sabah.

Selain itu, kerajaan pusat juga memberikan perhatian kepada negeri ini dengan memberikan peruntukan yang besar khususnya dalam penyediaan kemudahan asas di luar bandar, katanya.

Berdasarkan perkara itu, Musa berkata beliau yakin rakyat Sabah dapat menilai mana yang terbaik untuk mereka.

"Saya yakin rakyat Sabah akan memberikan kemenangan yang besar kepada BN pada pilihan raya nanti," kata Musa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=640640>